

18/12/1997

Saranan Malaysia perlu disokong

Kadir Dikoh

SARANAN Malaysia supaya diperkenalkan peraturan dalam urus niaga mata wang harus mendapat sokongan kuat kerana kaedah itu akan menjadikannya lebih telus dan boleh diterima masyarakat antarabangsa.

Pakar ekonomi yang pernah bertugas sebagai pegawai ekonomi kanan di Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) yang berpangkalan di Washington, Dr Nguyen Xuan Oanh, berkata cadangan yang dikemukakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu adalah baik dan tepat.

"Perlu ada peraturan dan undang-undang khusus untuk mengawal urus niaga mata wang. Institusi seperti ini perlu diwujudkan dan ini akan berupaya menangani masalah serangan spekulatif," katanya di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Nguyen yang juga bekas Timbalan Perdana Menteri bagi ekonomi dan kewangan Vietnam berada di ibu negara kerana menghadiri sidang Penghormatan Sektor Swasta kepada Asean yang berakhir kelmarin.

Kelmarin, Dr Mahathir meminta IMF mempercepatkan kajiannya mengenai pengenalan peraturan bagi dagangan mata wang berdasarkan kepada kepentingan perkara itu. Sebelum ini, IMF menyatakan kajian itu hanya akan siap awal tahun depan.

Dengan menyatakan Asean tidak berada dalam kedudukan untuk menyediakan peraturan mata wang kerana perkara itu mesti dikaji terlebih dulu oleh IMF, Perdana Menteri menambah negara yang memulakan dagangan mata wang mestilah menyediakan peraturan bagi bank.

Nguyen turut diminta mengulas sama ada pakej bantuan dihulurkan oleh IMF benar-benar membantu memulihkan kegawatan ekonomi negara penerima. Setakat ini, Thailand, Indonesia dan Korea Selatan bersetuju menerima pakej terbabit.

Bagaimanapun, katanya, bantuan itu sudah pasti membantu ke arah pemulihan ekonomi sambil menasihatkan negara penerima supaya menerimanya dengan hati terbuka.

"Ibaratkan pakej ini yang diberi dengan pelbagai syarat ketat sebagai ubat dan walau pun pahit, kita terpaksa telan kerana kita `sakit'. Kita (negara penerima) harus berkorban.

"Kita harus berjimat cermat, memotong perbelanjaan, mengurangkan import komoditi dan menyusun semula sistem kewangan serta perbankan. Semua ini bagaikan ubat untuk sembuh," katanya.

(END)